



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN MEDIA

ASEAN Persons with Disabilities in Sports Conference 2025

“Inclusive Sports for All: Breaking Barriers, Building Bridges in ASEAN”

Tarikh : 21 Jun 2025
Masa : 10.30 pagi
Tempat : The Everly, Putrajaya

Sempena Kepengerusian ASEAN Malaysia Tahun 2025, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan ***ASEAN Persons With Disabilities (PWDs) In Sports Conference 2025*** pada **20 hingga 21 Jun 2025** bertempat di **Everly Hotel, Putrajaya**. Persidangan ini yang turut disokong oleh Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) merupakan salah satu inisiatif utama KBS di bawah pelaksanaan ***ASEAN Work Plan on Sports 2021–2025***.

Program ini dirasmikan oleh **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan**. Selain itu, ucap tama disampaikan oleh Rakan Dialog ASEAN iaitu Profesor Madya Dr. Shinichi Nagata, Universiti Tsukuba, Jepun yang menyampaikan tajuk ***Inspiring ASEAN: Overcoming Challenges to Promote Sports for Persons With Disability***.

Persidangan yang bertemakan ***“Inclusive Sports for All: Breaking Barriers, Building Bridges in ASEAN”*** ini merupakan manifestasi komitmen Malaysia dalam mendepani cabaran sosial serantau dengan menjunjung nilai keterangkuman dan kesaksamaan, seiring dengan aspirasi **Kerangka Malaysia MADANI** yang menekankan enam teras utama: **Kemampuan, Kesejahteraan, Daya cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan**.

Persidangan ini menghimpunkan lebih **250 peserta** yang terdiri daripada wakil negara-negara ASEAN, pemegang taruh tempatan, pertubuhan bukan kerajaan

(NGO), ahli akademik, pendidik, atlet dan penggiat sukan untuk membincangkan hal ehwal pembangunan sukan inklusif khusus bagi komuniti Orang Kurang Upaya (OKU). Matlamat utama persidangan ini adalah untuk **menghakupayakan komuniti OKU melalui pembangunan sukan untuk semua**, sekaligus merealisasikan gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan masyarakat serantau. Persidangan ini turut menekankan nilai-nilai kesamarataan serta pemerkasaan peranan semua pihak berkepentingan dalam mewujudkan ekosistem sukan yang inklusif dan mampan, khusus untuk komuniti OKU dengan prinsip ***“no one left behind”***.

Persidangan ASEAN PWDs in Sports 2025 bukan sekadar satu acara serantau, tetapi simbol keazaman Kerajaan MADANI untuk menjadi pemimpin keadilan sosial dan keterangkuman bukan sahaja di Malaysia tetapi di rantau ASEAN juga. Antara skop utama yang dibincangkan dalam persidangan ini merangkumi:

- Promosi pendidikan sukan inklusif yang melibatkan golongan OKU;
- Pengurusan fasiliti dan akses fizikal yang inklusif;
- Pembentangan hasil penyelidikan dan kertas kerja akademik; dan
- Perkongsian pengalaman atlet serta amalan terbaik oleh pertubuhan sukan dari peringkat akar umbi ke antarabangsa.

Persidangan ini dihadiri oleh semua Negara ASEAN, Timor Leste, Jepun, ASEAN Para Sport Federation dan World Society for Peace Sports. Antara lain yang turut hadir menyokong persidangan kali ini terdiri daripada Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), Persekutuan Sukan Orang Pekak Malaysia (MSDEAF), Special Olympics Malaysia (SOMS), Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia (PKOKM), Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan, Para Pendidik dan Ahli Akademik, Pembuat Dasar dan Penggerak Komuniti OKU.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Siti Amirah binti Amiruddin, Bahagian Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Negara di talian 03-8871 3102.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Belia dan Sukan**